

INVENTORI FONEM VARIAN MELANAU KANOWIT SARAWAK

NORFAZILA AB. HAMID
Universiti Kebangsaan Malaysia
norfazilaabhamid@ukm.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan salah satu varian Melanau (VM) yang terdapat di Sarawak iaitu varian Melanau Kanowit (KNWT). Objektif kajian dalam makalah ini ialah menilai dan menyusun semula aspek-aspek fonologi yang masih belum mendapat penjelasan terhadap beberapa kajian tentang KNWT terutamanya dalam menentukan jumlah inventori fonem. Justeru, kajian ini bertujuan menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi KNWT dengan memaparkan penyebaran bunyi vokal, diftong, konsonan dan melihat keberadaan alternasi dalam VM KNWT ini. Pendekatan yang dimanfaatkan dalam mencapai objektif kajian ini ialah pendekatan struktural. Hasil kajian membuktikan bahawa KNWT mempunyai 7 fonem vokal iaitu /i, u, e, o, $\square$, $\leftrightarrow$, a/ dan memiliki tujuh diftong iaitu /-aw, -aj, -ej, $\leftrightarrow$ w, -uj, -eo dan -iw/. Sehubungan itu, hasil kajian turut memperlihatkan adanya 3 vokal rangkap dalam varian ini yang terdiri daripada urutan dua vokal sahaja. Seterusnya, VM KNWT mempunyai 20 fonem konsonan; tujuh buah konsonan letupan /p, b, t, d, k, g, //, satu konsonan letusan /dZ/, tiga konsonan geseran /s, $\textcircled{r}$, h/, empat konsonan nasal /m, n, J , N/ dua konsonan getaran /r, $\{$ /, satu konsonan sisian /l/ dan dua konsonan separuh vokal /w, j/. Seterusnya, berkaitan dengan rangkap konsonan (gugus konsonan) VM KNWT memiliki gugus konsonan bukan homorganik nasal yang hadir pada posisi tengah kata dan membentuk konstruksi seperti berikut; /-ts- dan -/p-/. Penemuan ini menegaskan betapa pentingnya memelihara variasi fonetik tersebut untuk mengekalkan kepelbagaian linguistik dan warisan bahasa dalam komuniti Melanau di Kanowit, Sarawak.

Kata kunci: Fonem; fonologi; Melanau Kanowit; penyebaran vokal; struktural.

INVENTORY OF PHONEMES OF SARAWAK MELANAU KANOWIT VARIANT

ABSTRACT

This paper discusses one of the Melanau variants (VM) found in Sarawak, namely the Melanau Kanowit variant (KNWT). The objective of the study in this paper is to evaluate and reorganize the phonological aspects that have not yet been explained in several studies on KNWT, especially in determining the number of phoneme inventories. Therefore, this study aims to touch on the phonetic and phonological aspects by describing the KNWT phonological system by displaying the distribution of vowel sounds, diphthongs, consonants and looking at the existence of alternations in this KNWT VM. The approach used in achieving the objective of this study is the structural approach. The results of the study prove that KNWT has 7 vowel phonemes, namely /i, u, e, o, $\square$, $\leftrightarrow$, a/ and has seven diphthongs, namely /-aw, -aj, -ej, $\leftrightarrow$ w, -

uj, -eo and -iw/. In this regard, the results of the study also show that there are 3 double vowels in this variant which consist of a sequence of only two vowels. Furthermore, the KNWT VM has 20 consonant phonemes; seven plosive /p, b, t, d, k, g, //, one plosive consonant /dZ/, three fricative consonants /s, ʃ, h/ four nasal consonants /m, n, ŋ, N/, two pulsating consonants /r, ʁ/, one lateral consonant /l/ and two semi-vowel consonants /w, j/. Next, related to consonant clusters (consonant clusters) VM KNWT has a nasal non-homorganic consonant cluster that is present in the middle position of the word and forms the following constructions; /-ts- and -p-/ . This finding emphasizes the importance of preserving these phonetic variations to maintain linguistic diversity and language heritage in the Melanau community in Kanowit, Sarawak.

Keywords: Phoneme; phonology; Melanau Kanowit; distribution; structural.

PENGENALAN

Inventori fonem vokal merupakan salah satu aspek penting dalam kajian linguistik, khususnya dalam memahami variasi bahasa dan dialek di Malaysia. Dalam konteks ini, tajuk "Inventori Fonem Varian Melanau Kanowit Sarawak" menumpukan perhatian kepada pengenalan dan analisis fonem vokal yang terdapat dalam varian Melanau yang dituturkan di kawasan Kanowit, Sarawak. Melanau merupakan salah satu etnik yang kaya dengan warisan budaya dan bahasa, dan kajian ini bertujuan untuk mengkaji variasi fonetik serta ciri-ciri unik fonem vokal yang membentuk identiti linguistik masyarakat Melanau.

Pengumpulan data dan analisis fonem bagi varian Melanau Kanowit adalah penting untuk memahami bagaimana faktor geografi dan sosial mempengaruhi penggunaan bahasa. Dengan mengkaji inventori fonem, kajian ini bukan sahaja akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keunikan bahasa Melanau, tetapi juga akan menyumbang kepada pemeliharaan dan pengembangan bahasa tersebut dalam konteks yang lebih luas. Melalui pemahaman yang mendalam tentang fonem vokal ini, diharapkan dapat memperkaya kajian linguistik di Malaysia serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepelbagaian bahasa yang wujud di negara ini.

Sebelum penulisan makalah ini, sebanyak 27 kajian terdahulu telah dirujuk untuk memberikan gambaran awal mengenai penyelidikan yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelumnya. Dari 27 kajian tersebut, 23 varian Melanau (VM) ditemui di Sarawak, melibatkan pelbagai lokasi yang berbeza. Setelah meneliti penyelidikan terdahulu yang dirujuk, pengkaji menyimpulkan bahawa kajian ini tidak dapat dianggap sebagai satu kajian yang menyeluruh untuk mewakili keseluruhan populasi Melanau. Terdapat banyak wilayah Melanau yang masih belum diterokai. Walau bagaimanapun, ini tidak seharusnya dianggap sebagai kelemahan dalam kajian-kajian sebelumnya, kerana setiap pengkaji berhak untuk menentukan fokus kajian mereka berdasarkan minat, kepakaran, atau mungkin juga kerana kekangan waktu yang membataskan skop penyelidikan mereka.

Oleh itu, makalah ini menumpukan kajian terhadap KNWT iaitu, varian yang dianggap penting untuk menunjukkan varian Melanau lain. Matlamat utama kajian ini adalah untuk menjelaskan elemen fonologi yang masih belum diterokai dalam kajian-kajian terdahulu mengenai KNWT. Oleh itu, aspek fonetik dan fonologi adalah subjek kajian ini (lihat juga kajian

Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A.H, 2010; Saidatul Normis Hj. Mahali, 2010; Kaharuddin & Rahim Aman, 2011, Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman, 2016.) dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi VM BLGN dengan memaparkan penyebaran bunyi vokal, diftong dan konsonan dalam kata VM KNWT berlandaskan pendekatan struktural (lihat juga kajian yang sama dalam Norfazila Ab Hamid et al. (2017), Norfazila Ab Hamid & Rahim Aman (2017), Norfazila Ab Hamid (2019 dan 2020), Norfazila Ab Hamid & Norhasliza Ramli (2021), Norfazila Ab Hamid & Wan Robiah Meor Osman (2023), serta Norfazila Ab Hamid et al. (2023), Norfazila (2024) dan Norfazila & Shahidi A.H (2024)). Dengan merujuk kepada kajian-kajian ini, diharapkan makalah ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada pemahaman tentang fonologi varian Melanau, sekali gus memperluas pengetahuan dalam bidang linguistik di Malaysia.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Richards & Rodgers (dlm Henry, 1991: 1) pula, mengatakan metodologi mencakupi sukatan, pendekatan, strategi atau teknik, dan prosedur. Oleh itu, bolehlah dikatakan metodologi merupakan cara atau tatacara gerak kerja dalam sesuatu penyelidikan. Metod atau kaedah yang baik dan sesuai akan menghasilkan dapatan kajian yang baik. Dalam melakukan sesuatu kajian, beberapa kaedah tertentu boleh digunakan untuk memungut, menganalisis, serta mentafsir data. Dalam bahagian ini secara khususnya membincangkan metodologi dan pendekatan yang dimanfaatkan bagi mengenal pasti inventori fonem yang wujud dalam KNWT. Kajian ini memanfaatkan dua kaedah kajian utama iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan (pemilihan senarai kata/soal selidik pemilihan kawasan dan batasan kajian, pemilihan informan, pengumpulan data) seterusnya pemaparan data serta analisis data. Kedua-dua kaedah ini dimanfaatkan bagi menghasilkan satu output kajian yang lebih telus.

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Kajian kepustakaan, merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang pengkaji untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod (Mohd Sheffe 1991: 41). Kajian kepustakaan merupakan langkah awal yang penting dalam proses penyelidikan, di mana pengkaji mengumpul dan menganalisis sumber-sumber yang berkaitan untuk memperkukuh asas teori dan metodologi kajian. Dalam konteks makalah ini, kajian kepustakaan tidak hanya terhad kepada latar belakang masyarakat Kanowit, tetapi juga meliputi kajian mengenai fonologi dan morfologi bahasa Melanau serta variasi dialek yang wujud. Dengan merujuk kepada pelbagai sumber, termasuk buku, artikel akademik, dan tesis terdahulu, pengkaji dapat mengenal pasti jurang dalam penyelidikan yang sedia ada dan menentukan arah tuju yang lebih jelas bagi kajian ini. Pengetahuan tentang penyelidikan sebelum ini dapat mengelakkan pengulangan kajian yang sama. Oleh itu, untuk memperoleh maklumat tentang aspek ilmu perbandingan dan dialek, kaedah kepustakaan adalah penting. Perlaksanaan dasar ilmu perbandingan bahasa seharusnya diberi keutamaan. Maklumat terkini mengenai ilmu dialektologi boleh diperoleh melalui aktiviti pembacaan ini, yang pada akhirnya akan meningkatkan kualiti penyelidikan yang dijalankan.

Selain itu, kajian kepustakaan juga membolehkan pengkaji untuk memahami konteks sosio-budaya yang mempengaruhi penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat KNWT. Dengan pengetahuan yang mendalam tentang budaya, tradisi, dan sejarah

masyarakat tersebut, pengkaji dapat mengaitkan aspek linguistik dengan faktor-faktor lain yang mempengaruhi komunikasi. Ini adalah penting kerana bahasa bukan sahaja alat komunikasi, tetapi juga cerminan identiti dan nilai masyarakat. Oleh itu, kajian kepustakaan berfungsi sebagai asas yang kukuh untuk pengkaji melaksanakan kajian lapangan yang lebih terarah dan berkesan.

Dengan melibatkan diri dalam kajian kepustakaan, pengkaji juga dapat membangunkan rangka kerja teoretikal yang menyokong analisis data yang akan dikumpul. Pemahaman yang mendalam tentang teori-teori linguistik yang relevan membantu pengkaji dalam merumuskan hipotesis dan soalan penyelidikan yang tepat. Keseluruhannya, kajian kepustakaan memainkan peranan yang tidak dapat dipandang remeh dalam memastikan kajian ini bukan sahaja relevan, tetapi juga memberikan sumbangan yang bermakna kepada bidang linguistik dan pemahaman tentang bahasa Melanau serta variasi yang terdapat di dalamnya.

KAJIAN LAPANGAN

Menurut Wan Hashim Wan Teh (1980: xv), kajian lapangan atau kajian luar dalam pengertian umum merujuk kepada apa sahaja penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang di luar kongkongan fizikal, tempat, atau ruang seperti di luar bilik, di luar bilik pejabat, di luar kampus, di luar negeri, dan sebagainya. Dalam bidang linguistik, kajian lapangan digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Salah satu aspek penting dalam kajian lapangan ialah strateginya untuk memantapkan sesuatu hasil kajian. Oleh itu, dengan kata lain kerja lapangan ini adalah penting untuk pengkaji mendapatkan maklumat serta data yang kukuh, bertepatan objektif kajian.

Dalam kajian lapangan, beberapa langkah penting perlu diambil, termasuk pemilihan senarai kata yang akan digunakan dalam soal selidik, pemilihan kawasan yang akan dikaji, serta batasan kajian. Pemilihan informan juga merupakan elemen kritikal, di mana pengkaji memilih penutur asli yang fasih dalam varian Melanau Kanowit untuk memastikan data yang dikumpul adalah tepat dan relevan. Proses pengumpulan data melibatkan penggunaan senarai kata/soal selidik dan sesi temu bual untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Setelah data dikumpulkan, pemaparan dan analisis data dilakukan untuk mengenal pasti pola dan ciri-ciri fonem vokal, diftong dan konsonan yang terdapat dalam varian ini. Melalui pendekatan ini, diharapkan kajian dapat menghasilkan output yang telus dan boleh dipercayai, memberikan sumbangan yang signifikan kepada bidang linguistik dan pemahaman terhadap bahasa Melanau.

PEMILIHAN SENARAI KATA/SOAL SELIDIK

Dalam kajian ini, soal selidik yang digunakan merupakan senarai kata yang digunakan oleh Rahim Aman (1997), dalam kajiannya yang bertajuk '*Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk, dan Mualang*'. Walaupun, senarai kata ini pada asasnya diambil daripada senarai kata tersebut, namun dalam kajian ini, senarai kata tersebut telah diubahsuai supaya bersesuaian dengan masyarakat yang dikaji (lihat Mohd Tarmizi Hasrah et al. 2010, Kaharuddin & Rahim, 2011, Norfazila, 2014, Norfazila & Rahim, 2016 dan 2017, Norfazila et al. 2017 dan Norfazila Ab Hamid 2019 dan 2020 dan Norfazila Ab Hamid & Norhasliza Ramli 2021, Norfazila et al. 2023, Norfazila, 2024 dan Norfazila & Shahidi, 2024). Senarai kata ini terdiri daripada 477 perkataan yang terdiri daripada 12 domain makna ini diambil dan diuji sendiri oleh pengkaji dikawasan lapangan

terhadap KNWT. Dua belas domain makna tersebut dapat dilihat seperti di bawah.

- | | |
|------------------------|--------------------|
| 1. Tubuh Badan | 7. Alat Pertanian |
| 2. Kata Kerja | 8. Makanan |
| 3. Alat Rumah | 9. Waktu dan Cuaca |
| 4. Nama dan Ganti Nama | 10. Kata Ukuran |
| 5. Binatang | 11. Pakaian |
| 6. Persaudaraan | 12. Kata Bilangan |

PEMILIHAN KAWASAN DAN BATASAN KAJIAN

Makalah ini membicarakan tentang KNWT. Pada umumnya, petempatan utama masyarakat Melanau di Sarawak dibahagikan kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada kumpulan Tengah iaitu mereka yang tinggal di sekitar Sungai Igan, Oya, dan Mukah. Kumpulan kedua ialah kumpulan Selatan, iaitu yang tinggal di sekitar sungai Rejang iaitu dari Rejang hingga ke Matu. Kumpulan ketiga ialah kumpulan Utara iaitu yang tinggal di sekitar Balingian sehinggalah ke Kanowit. Pembahagian kumpulan ini adalah berdasarkan perbezaan dari aspek pola petempatan dan pertuturan (Clayre 1970: 330-352). Petempatan mereka lebih berpusat di kuala-kuala sungai yang berdekatan dengan kawasan pantai seperti Kanowit, Mukah, Oya, Matu, dan Igan yang merupakan kawasan yang subur. Di samping itu, terdapat kelompok perkampungan lain yang lebih kecil dan kebanyakannya terletak dari daerah Rajang di bahagian keenam sehinggalah ke daerah penempatan yang agak pedalaman seperti Dalat, Medong, Kut, Narub, Kanowit, dan Tatau. Selain itu, lokasi kawasan ini terpisah satu sama lain disebabkan persisiran pantai iaitu dari selatan ke utara, jaringan sungai dan hutan.

Masyarakat Melanau di Kanowit, Sarawak, merupakan salah satu kumpulan etnik yang kaya dengan budaya dan tradisi. Mereka dikenali sebagai masyarakat yang hidup di sepanjang pesisir pantai dan kawasan sekitar sungai, yang membolehkan mereka terlibat dalam aktiviti nelayan dan pertanian. Sejarah Melanau di Kanowit mencatatkan pengaruh yang mendalam daripada pelbagai faktor, termasuk interaksi dengan masyarakat lain seperti Iban dan Bidayuh. Masyarakat ini mempunyai bahasa dan dialek tersendiri, yang membezakan mereka daripada kelompok etnik lain di Sarawak. Keunikan budaya Melanau, termasuk pakaian tradisional, tarian, dan upacara adat, mencerminkan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat ini dan memperlihatkan identiti mereka yang kaya.

Selain daripada aspek budaya, masyarakat Melanau Kanowit juga terkenal dengan kemahiran dalam pertanian, khususnya dalam penanaman padi dan kelapa. Kehidupan mereka berpusat di sekitar sumber semula jadi dan hasil pertanian, yang merupakan sumber pendapatan utama. Masyarakat Melanau juga mengamalkan sistem sosial yang erat, di mana keluarga dan komuniti berperanan penting dalam kehidupan seharian. Dengan perkembangan zaman, masyarakat Melanau di Kanowit menghadapi cabaran dalam mempertahankan warisan budaya mereka di tengah-tengah arus globalisasi. Namun, mereka terus berusaha untuk memelihara dan menghidupkan tradisi serta bahasa mereka, menjadikan Melanau Kanowit sebagai salah satu identiti etnik yang berharga di Sarawak dan Malaysia secara keseluruhannya.

PEMILIHAN INFORMAN

Pemilihan informan berdasarkan jantina adalah penting dalam memperoleh data yang asli ataupun kukuh. Kriteria memilih informan dari segi jantina telah menimbulkan pelbagai percanggahan pendapat. Samarin (1967: 30) mengatakan, bahawa lebih baik sekiranya informan yang terpilih dari jenis jantina yang sama dengan pengkaji. Tujuannya, bagi mengelak rasa curiga komuniti bahasa tersebut. Namun begitu, Ajid Che Kob (1985: 46) dalam kajiannya, mendapati bahawa informan wanita lebih baik daripada informan lelaki, kerana informan wanita lebih konservatif berbanding informan lelaki. Dengan kata lain, data yang diperolehi daripada informan wanita lebih asli. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih informan lelaki dan perempuan. Pewajaran memilih kedua-dua informan ini kerana berdasarkan pemerhatian yang dilakukan pengkaji mendapati percakapan informan lelaki dan perempuan dapat mewakili percakapan kawasan kajian.

Dari segi umur pula, Ajid (1985: 28) berpendapat semakin tua informan semakin baik kerana mereka yang berumur 70-75 tahun ke atas memperlihatkan keaslian dialek yang dituturkan. Sebaliknya, Samarin (1967: 30) berpendapat bahawa faktor umur tidak begitu penting dalam kajian, yang lebih utama ialah keadaan dan pengalaman informan itu betul-betul boleh mewakili bentuk percakapan masyarakat di satu-satu kawasan kajian. Dalam kajian ini, pengkaji merasakan bahawa faktor umur adalah penting sejajar dengan Ajid (1985). Oleh itu, dalam kajian ini informan pengkaji ialah terdiri daripada golongan tua yang baik dan sempurna alat artikulasinya. Pengkaji mengambil informan yang berumur 60 tahun hingga 72 tahun.

Ajid Che Kob (1985: 36) berpendapat, seboleh-bolehnya informan yang ditemui tidak mempunyai pendidikan secara formal untuk mengelakkan daripada pengumpulan data yang dipengaruhi oleh unsur pendidikan formal. Pandangan ini sesuai dengan pandangan Kurath (1972: 12-14), yang menyatakan bahawa kategori informan yang memiliki pendidikan formal yang terhad, kurang membaca, dan mengalami interaksi formal yang terbatas dengan masyarakat luar merupakan informan yang seboleh-bolehnya kita cari dan temui dalam kajian. Bersesuaian dengan pendapat Ajid Che Kob (1985) dan Kurath (1972), dalam kajian ini pengkaji memilih informan yang tidak mempunyai pendidikan formal. Tujuh orang informan pengkaji ini, sebenarnya tidak mempunyai pendidikan formal. Mereka bekerja sebagai nelayan atau suri rumah tangga.

PENGUMPULAN DATA

Dalam menentukan kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data, seseorang pengkaji haruslah pandai memilih kaedah yang sesuai semasa menjalankan penyelidikan. Ini disebabkan, penggunaan kaedah yang sesuai akan menentukan data yang diperolehi adalah tepat. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan metode cakap. Menurut Mahsun (2005:93), metode cakap disebabkan cara percakapan antara peneliti dengan informan. Adanyapercakapan antara peneliti dengan informan mengandungi erti terdapat kontak antara mereka. Oleh itu, data diperolehi melalui penggunaan bahasa secara lisan. Teknik yang akan diguna pakai semasa mengumpul data ialah temu bual, rakaman dan pemerhatian ikut serta.

Menurut Wan Hashim Wan Teh (1980:7), temu bual ialah satu proses interaksi

antara penemu bual dengan responden yang bertujuan mendapatkan maklumat. Dalam kajian ini, kaedah temu bual ini digunakan oleh pengkaji. Soalan yang ditanya kepada informan ialah berkait dengan senarai kata yang telah disediakan oleh pengkaji. Semasa sesi temu bual, pengkaji telah menggunakan pelbagai cara dan gaya bagi melancarkan sesi temu bual. Salah satu cara yang digunakan bagi mengajukan soalan yang berkait dengan anggota tubuh badan, contohnya perkataan ‘kuku’, pengkaji menggunakan cara dengan bertanya “Pak cik, ini panggil apa?” sambil pengkaji tunjukkan kuku. Cara ini sejajar dengan cara yang pernah digunakan oleh Dieth dan Orton (Trudgill, 1990:33): “Apakah yang ada dalam poket saya? [Dengan menunjukkan poket yang kosong] (tidak ada, tiada).

Dalam kajian ini pengkaji berusaha mengelakkan informan dari rasa bosan dengan mengajukan permintaan untuk berkongsi kisah hidup mereka. Jika informan mulai merasa letih semasa proses pengumpulan data, pengkaji akan menawarkan minuman yang disediakan oleh tuan rumah untuk memberikan kesempatan berehat. Setelah berehat selama lapan hingga dua belas minit, pengkaji akan kembali mengarahkan perbincangan kepada topik asal dengan bertanya soalan berkaitan senarai kata. Sesi tanya jawab ini berlangsung selama dua hingga tiga jam.

Semasa pengkaji menemui bual informan (seorang informan perempuan), pengkaji turut menggunakan kaedah rakaman. Kaedah rakaman adalah kaedah yang paling baik digunakan dalam sesuatu kajian. Ini disebabkan, dengan menggunakan kaedah ini maklumat yang diperoleh ini akan dapat disimpan dengan lebih lama untuk dibuat rujukan. Menurut Labov (1972:13), untuk memperoleh data yang bermutu dan lengkap daripada perbualan individu adalah dengan cara merakamkan perbualan yang disertai pemerhatian ikut serta. Dalam kajian ini, rakamandilakukan secara sedar iaitu informan diajukan soalan dan setiap perbualan itu dirakam. Segalarakaman perbualan yang berkait dengan data kajian ini kemudian ditranskripsikan dalam bentuk fonetik. Transkripsi data menggunakan lambang fonetik antarabangsa (IPA). Teknik transkripsi ini digunakan semasa proses temu-bual berlangsung dengan informan.

Bagi melengkapi data, pengkaji turut menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji bagi memastikan apa yang diujarkan oleh informan ini terhadap sesuatu perkara yang dibicarakan adalah benar. Dalam perbualan ini, pengkaji turut ikut serta dalam perbualan dan mencatatkan serba sedikit tentang maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Perkataan yang kurang jelas didengar dicatatkan ditanya kembali oleh pengkaji kepada informan terbabit. Kaedah ini sesuai digunakan memandangkan percakapan adalah spontan dan bersifat natural.

PEMAPARAN DATA DAN ANALISIS DATA

Menurut Mahsun (1995:14) kaedah pemaparan data melibatkan dua cara iaitu i) perumusan data dengan menggunakan istilah biasa dan istilah teknikal linguistik antaranya fonologi; dan ii) perumusan menggunakan simbol atau lambang tertentu. Kedua-dua cara ini diterapkan dalam menganalisis data dalam kajian ini. Perumusan data menggunakan istilah biasa dan teknikal seperti fonetik, fonologi, fonem, fonemik, alternasi, rekonstruksi, retensi, inovasi, pengelasan, refleks dan lain-lain lagi. Istilah teknikal ini berkait dengan tertentu sesuai dengankajian yang dilaksanakan oleh pengkaji contohnya dalam bidang dialektologi dan ilmu bandingan ini. Antara simbol yang digunakan dalam kajian ini ialah:

- i) (/ /), kurungan miring ini bermaksud mengapit unsur fonologi;
- ii) (/), melambangkan di persekitaran;
- iii) ([]), kurungan siku mengapit unsur bunyi;

- iv) (#), simbol dalam lingkungan tertentu;
- v) (K), lambang konsonan;
- vi) (V), lambang vokal;
- vii) (O), lambang perubahan kosong;
- viii) (N), konsonan nasal velar;
- ix) (ɲ), konsonan nasal palatal;
- x) (ʔ), konsonan plosif glotal tidak bersuara;
- xi) (dʒ), konsonan afrikat palatal bersuara;
- xii) (⊗), konsonan frikatif velar bersuara;
- xiii) (↔), vokal tengah (schwa).

PENDEKATAN STRUKTURAL

Kajian ini, adalah berlandaskan pendekatan struktural. Struktural merupakan satu fahaman yang wujud di Eropah berikutan kebangkitan struktural linguistik yang dipelopori oleh Ferdinand de Saussure. Pendekatan struktural ini berasaskan prinsip-prinsip teori strukturalisme. Teori ini mula berkembang pada tahun 1960-an sebagai satu usaha untuk menerapkan kaedah dan wawasan Ferdinand de Saussure pengasas linguistik moden kepada kesusasteraan (Terry Eagleton, 1983:106). Saussure yang merupakan seorang ahli falsafah Swiss (1857-1913) percaya bahawa bahasa mempunyai struktur dalaman yang tersendiri dan mempunyai peraturan-peraturan yang sistematik (Charles, E. Bressler, 1999:89). Oleh itu, dalam analisis data yang berkait rapat dengan bidang fonologi, pendekatan struktural digunapakai dalam menganalisis data. Pemilihan pendekatan ini sebenarnya didasarkan pada beberapa hipotesis umum yang terdapat dalam pendekatan ini. Pertama, kaedah yang dipakai dalam pendekatan ini adalah bersifat empiris (induktif). Berdasarkan kaedah ini, sejumlah korpus bahasa yang diperoleh digeneralisasikan secara sistematik. Kedua, bahasa itu adalah ujaran dan kemudian barulah tulisan. Jadi, yang diteliti dan dicatat ialah bahasa lisan. Ketiga, bahasa merupakan satu produk yang terdiri daripada unsur bunyi dan makna. Keempat, pengelasan bunyi berdasarkan distribusinya. Pemilihan pendekatan ini adalah wajar kerana sesuai dengan objektif kajian.

Dalam pendekatan struktural, kaedah deskriptif sesuai digunakan untuk memerihalkan aspek bunyi-bunyi bahasa, konsonan, vokal dan diftong yang terdapat dalam kawasan kajian ini. Menurut Abdullah Hassan (1980:66), analisis deskriptif terbit dari kaedah tradisi yang menghuraikan struktur bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi yang didengar itu dipinggalkan dan diberi lambang. Kemudiannya bunyi-bunyi tersebut digolongkan kepada sesuatu jenis atas dasar persamaan ciri fonetiknya. Kaedah ini hanya memerlukan penjelasan, huraian atau tafsiran data tentang ciri bahasa sebagaimana ciri itu wujud dan digunakan oleh para penuturnya.

Dalam kajian ini, data dipecahkan kepada dua iaitu bunyi dan kata. Setiap kata ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetik. Menurut Samarin (1993:220), transkripsi fonetik adalah penting kerana ia dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya atau tidak. Dalam kajian linguistik, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang telah dianalisis. Transkripsi fonetik dilakukan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet* (IPA)). Setiap bunyi yang wujud dalam kawasan kajian ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Seterusnya, penyebaran bunyi vokal, diftong dan konsonan dalam kata sama ada pada awal, tengah, atau pada akhir kata dipaparkan mengikut kawasan.

ANALISIS DAPATAN SISTEM FONEM VM KNWT

Dalam bahagian ini, pengkaji akan memaparkan inventori dan penyebaran vokal, diftong dan konsonan dalam kata bagi kawasan kajian. Penyebaran sistem fonem ini memperlihatkan keberadaan fonem berdasarkan posisinya dalam perkataan, iaitu di posisi awal, tengah atau akhir. Varian Melanau (VM) yang diketengahkan dalam makalah ini merujuk kepada VM KNWT.

SISTEM FONEM VOKAL VARIAN MELANAU KANOWIT

Varian Melanau Kanowit mempunyai tujuh fonem vokal /i, u, e, o, □, ↔, a/ yang terdiri daripada dua vokal depan, dua vokal tengah, dan tiga vokal belakang. Jadual 1 memaparkan inventori fonem vokal tersebut.

JADUAL 1. Inventori Vokal KNWT

Bahagian	Depan	Tengah	Belakang
Kedudukan			
Tinggi	i		u
Separuh Tinggi	e	↔	o
Separuh Rendah		a	□
Rendah			

Jadual 1, memperlihatkan terdapatnya dua fonem vokal tinggi iaitu vokal tinggi depan /i/ yang dibunyikan sebagai [i] hadir pada semua posisi iaitu pada awal, tengah, dan akhir kata. Vokal tinggi belakang /u/ yang dibunyikan sebagai [u] hanya hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Seterusnya, terdapat dua fonem vokal separuh tinggi iaitu vokal separuh tinggi depan /e/ yang dibunyikan sebagai [e] hanya hadir pada posisi tengah kata dan vokal separuh tinggi belakang /o/ yang dibunyikan sebagai [o] hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Seterusnya fonem vokal belakang separuh rendah /□/ yang dibunyikan sebagai [□] hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Manakala, fonem vokal tengah separuh rendah /↔/ yang dibunyikan sebagai [↔] pula hanya hadir pada posisi tengah kata. Sementara itu, fonem vokal tengah rendah /a/ yang dibunyikan sebagai [a] pula hadir pada semua posisi kata iaitu awal tengah dan akhir kata. Jadual 2 memaparkan contoh kesemua penyebaran fonem vokal VM KNWT yang hadir pada posisi kata tertentu.

JADUAL 2. Penyebaran Fonem Vokal dalam VM KNWT

Jenis Vokal	Penyebaran Vokal Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/i/	[ikam]	kita	[bil↔m]	hitam	[hi]	ini
/u/	-		[mudip]	hidup	[s↔nu]	betul

/e/	-		[dZe/e/]	jahat	-	
/o/			[tohan]	di	[ajo]	lebar
/□/	-		[ak□h]	aku	[aj□]	besar
/↔/	-		[m↔kut]	korek	-	
/a/	[aj□]	besar	[manok]	burung	[pida]	bila

Seterusnya, dalam VM KNWT ini terdapat vokal rangkap dalam perkataannya. Vokal rangkap dalam VM ini terdiri daripada urutan dua vokal sahaja. Terdapat tiga jenis urutan vokal rangkap dalam VM KNWT, iaitu vokal rangkap depan – tengah, tengah – depan dan belakang – tengah. Jadual 3 menunjukkan penyebaran jenis urutan vokal rangkap yang terdapat dalam VM KNWT.

JADUAL 3. Penyebaran Urutan Vokal Rangkap dalam VM KNWT

Vokal Rangkap	Struktur Urutan Vokal			KNWT	BMS
1) Depan-tengah	/i/	+	/a/	[madiam]	buruk
2) Tengah-depan	/a/	+	/e/	[naen]	perut
3) Belakang-tengah	/u/	+	/a/	[duah]	dua

Seterusnya, VM KNWT memiliki tujuh diftong iaitu /-aw, -aj, -ej, -↔w, -uj, -eo dan -iw/ yang dibunyikan sebagai [-aw, -aj, -ej, -↔w, -uj, -eo dan -iw]. Tujuh diftong ini hanya hadir pada posisi akhir kata. Contoh data yang diutarakan ialah seperti dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Penyebaran Diftong dalam VM KNWT

Jenis Diftong	Penyebaran Diftong Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/-aw/	-		-		[bamaw]	di atas
/-aj/	-		-		[bulaj]	kiri
/-ej/	-		-		[m↔lej]	membeli
/-↔w/	-		-		[dav↔w]	abu
/-uj/	-		-		[t↔luj]	telur
/-eo/	-		-		[dZ↔leo]	cacing tanah
/-iw/	-		-		[bariw]	sayap

Seterusnya, VM KNWT mempunyai 20 fonem konsonan; tujuh buah konsonan letupan /p, b, t, d, k, g, //, satu konsonan letusan /dZ/, tiga konsonan geseran / s, ®, h/, empat konsonan

nasal /m, n, ŋ/, N/ dua konsonan getaran /r, ʃ/, satu konsonan sisian /l/ dan dua konsonan separuh vokal /w, j/. Jadual 5 memaparkan inventori fonem konsonan yang wujud dalam VM KNWT.

JADUAL 5. Inventori Konsonan VM KNWT

Daerah Sebutan		Dua Bibir	Bibir Gigi	Gigi Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Anak Tekak	Pita Suara
Cara Sebutan								
Letupan/plosif	Tbs	p		t		k		/
	Bs	b		d		g		
Letusan/ Afrikat	Tbs							
	Bs				dʒ			
Geseran/Frikatif	Tbs			s				h
	Bs						ʁ	
Sengau/ Nasal	Tbs							
	Bs	m		n	ŋ	N		
Getaran/Trill	Tbs						{	
	Bs			r				
Sisian/ Lateral	Tbs							
	Bs			l				
Separuh Vokal	Tbs							
	Bs	w			j			

Konsonan letupan yang terdapat dalam VM KNWT ialah konsonan letupan dua bibir, gigi-gusi, lelangit lembut dan pita suara. Konsonan-konsonan tersebut ialah /p, b, t, d, k, g, dan ʃ/. Terdapat dua fonem letupan dua bibir tidak bersuara /p/ dan bersuara /b/ yang dibunyikan sebagai [p] dan [b] dalam VM KNWT didapati hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah, dan akhir kata. Letupan gigi-gusi dalam VM KNWT tak bersuara /t/ dan bersuara /d/ yang dibunyikan sebagai [t] dan [d] wujud dalam semua posisi kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir. Seterusnya, konsonan letupan lelangit lembut tak bersuara iaitu /k/ yang dibunyikan sebagai [k] hadir pada semua posisi kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir kata manakala konsonan letupan lelangit lembut bersuara /g/ yang dibunyikan sebagai [g] hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata. Konsonan letupan pita suara tak bersuara ʃ/ yang dibunyikan sebagai [ʃ] pula, terdapat pada posisi tengah dan akhir kata. Contoh kesemua kehadiran konsonan letupan pada posisi kata dalam VM KNWT ini boleh dilihat dalam Jadual 6.

JADUAL 6. Penyebaran Konsonan Letupan dalam VM KNWT

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Letupan Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/p/	[pat]	empat	[k↔pE/]	mati	[mudip]	hidup

/b/	[bamaw]	di atas	[labE/]	datang	[tilib]	terbang
/t/	[tad↔m]	sejuk	[ituN]	kira	[gugat]	gigit
/d/	[da/an]	dahan	[mudip]	hidup	[bu:d]	takut
/k/	[k↔dun]	tumpul	[dZaka]	naik	[manok]	burung
/g/	[gajuk]	garuk	[miga/]	tumbuh	-	
///	-		[da/an]	dahan	[ninu/]	bakar

Sehubungan itu, dalam VM KNWT terdapat satu konsonan letusan iaitu letusan lelangit keras bersuara /dZ/. Letusan lelangit keras bersuara /dZ/ yang dibunyikan sebagai [dZ] terdapat pada semua posisi iaitu awal, tengah dan akhir kata. Contoh penyebaran konsonan ini boleh dilihat dalam Jadual 7.

JADUAL 7. Penyebaran Konsonan Letusan dalam VM KNWT

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Letusan Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/dZ/	[dZe/e®/]	jahat	[p↔dZu n]	bahu	[m ɸ ludZ]	berludah

Terdapat tiga konsonan geseran dalam VM KNWT iaitu /s/, /®/ dan /h/. Konsonan geseran gigi-gusi tak bersuara /s/ yang dibunyikan sebagai [s] hadir pada posisi awal dan tengah kata. Konsonan geseran anak tekak bersuara /®/ hadir pada posisi tengah kata dan konsonan geseran pita suara tak bersuara /h/ yang dibunyikan sebagai [h] dalam perkataan, hadir pada semua posisi iaitu awal, tengah dan akhir kata. Contoh kesemua konsonan geseran dan bunyi konsonan ini dalam setiap posisi kata tertentu dalam perkataan boleh dilihat dalam Jadual 8.

JADUAL 8. Penyebaran Konsonan Geseran dalam VM KNWT

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Geseran Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/s/	[sawan]	isteri	[basa/]	basah	-	
/®/	-		[m↔®↔ w] ¹	angin		

¹ Contoh lain penyebaran fonem /®/ pada tengah kata ialah; [/i®utan] ‘minum’.

/h/ [haj] siapa [tohan] di [ikah] kamu

Seterusnya, terdapat empat konsonan sengau dalam VM KNWT iaitu /m/, /n/, /N/, dan /j/. Konsonan sengau dua bibir /m/, yang dibunyikan sebagai [m] dan konsonan sengau gigi-gusi /n/, yang dibunyikan sebagai [n] hadir pada semua posisi kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir kata. Konsonan sengau lelangit keras /j/, yang dibunyikan sebagai [j] hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata dan konsonan sengau lelangit lembut /N/ yang dibunyikan sebagai [N], hadir pada semua posisi kata iaitu pada posisi awal, tengah, dan akhir. Contoh kesemua konsonan sengau yang hadir pada posisi kata tertentu boleh dilihat dalam Jadual 9.

JADUAL 9. Penyebaran Konsonan Sengau dalam VM KNWT

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Sengau Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/m/	[mudip]	hidup	[k↔m□]	makan	[tad↔m]	sejuk
/n/	[naj]	pasir	[s↔nu]	betul	[dan]	dan
/j/	[jatah]	mengunyah	[ma/jit]	tajam	-	
/N/	[Nadan]	nama	[m↔Nas ↔]	manusia	[paN]	tangan

Terdapat dua konsonan getaran dalam VM ini iaitu konsonan getaran /r/ dan /{/. Konsonan getaran gigi-gusi bersuara /r/ yang dibunyikan sebagai [r], dalam VM KNWT ini hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Konsonan getaran anak tekak tak bersuara /{/ yang dibunyikan sebagai [{] pula hanya hadir pada posisi tengah kata. Contoh perkataan ialah seperti yang terdapat dalam Jadual 10.

JADUAL 10. Penyebaran Konsonan Getaran dalam VM KNWT

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Getaran Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/r/	-		[mirih]	tikam	[mikir]	berfikir
/{/	-		[m↔{↔w]	perempuan	-	

Konsonan sisian gigi-gusi /l/ yang dibunyikan sebagai [l] dalam perkataan, didapati berada pada semua posisi iaitu pada awal, tengah dan akhir kata. Contoh penyebaran konsonan ini ialah seperti yang terdapat dalam Jadual 11.

JADUAL 11. Penyebaran Konsonan Sisian dalam VM KNWT

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Sisian Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/l/	[l $\emptyset$ bo/]	rumah	[dZ $\leftrightarrow$ la/]	lidah	[sawanal]	suami

Dalam VM KNWT, terdapat konsonan /w/ dan /j/ yang dibunyikan sebagai [w] dan [j]. Konsonan separuh vokal dua bibir /w/ dan konsonan separuh vokal lelangit keras /j/, hanya hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Pada akhir perkataan didapati kedua-dua konsonan ini memperlihatkan sebagai satu penyatuan bagi membentuk diftong Contoh penyebaran konsonan separuh vokal ini boleh dilihat dalam Jadual 12.

JADUAL 12. Penyebaran Konsonan Separuh Vokal dalam VM KNWT

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Separuh Vokal Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/w/	-		[awan]	awan	[bamaw]	di atas
/j/	-		[kajaw]	kayu	[haj]	siapa

Seterusnya, berkaitan dengan rangkap konsonan (gugus konsonan) VM KNWT memiliki gugus konsonan bukan homorganik nasal yang hadir pada posisi tengah kata dan membentuk konstruksi seperti berikut; /-ts- dan -/p-/. Contoh kehadiran rangkap konsonan ini boleh dilihat dalam Jadual 13.

JADUAL 13. Penyebaran Rangkap Konsonan dalam VM KNWT

Rangkap Konsonan	Penyebaran Rangkap Konsonan Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/-ts-/	-		[m $\leftrightarrow$ tsej]	ikan	-	
/-p-/	-		[tugo/pa]	menumbuk	-	

KESIMPULAN

Dalam makalah ini, pengkaji telah mendeskripsikan aspek-aspek fonologi yang belum mendapat penjelasan dalam beberapa kajian tentang KNWT. Analisis data bermula dari penyebaran fonem dan bunyi yang terdapat dalam kawasan kajian berdasarkan bunyi vokal, diftong dan konsonan. Hasilnya, KNWT mempunyai mempunyai 7 fonem vokal iaitu /i, u, e, o, □, ↔, a/ dan memiliki tujuh diftong iaitu /-aw, -aj, -ej, -↔w, -uj, -eo dan -iw/. Sehubungan itu, hasil kajian turut memperlihatkan adanya 3 vokal rangkap dalam varian ini yang terdiri daripada urutan dua vokal sahaja. Seterusnya, VM KNWT mempunyai 20 fonem konsonan; tujuh buah konsonan letupan /p, b, t, d, k, g, //, satu konsonan letusan /dZ/, tiga konsonan geseran / s, ®, h/, empat konsonan nasal /m, n, /, N/ dua konsonan getaran /r, {/, satu konsonan sisian /l/ dan dua konsonan separuh vokal /w, j/. Seterusnya, berkaitan dengan rangkap konsonan (gugus konsonan) VM KNWT memiliki gugus konsonan bukan homorganik nasal yang hadir pada posisi tengah kata dan membentuk konstruksi seperti berikut; /-ts- dan -p-/. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat merungkai segala permasalahan yang timbul dalam kajian-kajian yang lepas dan dapat memelihara jati diri warisan bangsa Melanau Kanowit melalui bahasa. Selain itu, kajian ini juga berperanan dalam usaha pemeliharaan dan pengembangan bahasa Melanau, terutamanya dalam menghadapi cabaran globalisasi yang menyebabkan banyak bahasa minoriti terancam. Dengan mendokumentasikan dan menganalisis inventori fonem ini, kita dapat memastikan bahawa warisan linguistik dan budaya masyarakat Melanau tidak hilang ditelan zaman. Diharapkan hasil kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang kepelbagaian bahasa di Malaysia dan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menjaga dan menghargai bahasa serta budaya yang unik di negara ini.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1980. *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas*. Monografi 3, Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. 1983. *The Malay peoples of Malaysia and their languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Charles, E. Bressler. 1999. *Literary criticism: An introduction to theory and practice*. New Jersey: Prentice Hall College.
- Clayre, I. F. C. S. 1970. "The spelling of Melanau (Nee Milano)". *The Sarawak Museum Journal*, 28 (5), 330-352.
- Henry Guntur Tarigan. 1991. *Metodologi Pengajaran Bahasa 1*. Bandung: Angkasa Bandung.
- Information Malaysia 1992-93 Year Book*. 1992. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Kaharuddin & Rahim Aman. 2011. *Hukum bunyi dalam bahasa Indonesia dan bahasa Makassar*. *Jurnal Melayu*, (7), 287-302.

- Kurath, Hans. 1972. *Studies in area linguistic*. Bloomington: Indiana University Press.
- King, Victor T. 1978. *Essay on Borneo Society*. (pnyt). University of Hull Publications. London: Oxford University Press.
- Labov, W. 1972. *Sociolinguistic patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania.
- Mahsun. 1995. *Dialektologi diakronis sebuah pengantar*. Yogyakarta: Gadjah Mada Universitas Press.
- Mahsun. 2005. *Metode penelitian bahasa*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Mohd. Sheffei Abu Bakar. 1991. *Metodologi Penyelidikan untuk Ekonomi dan Bidang-Bidang Berkaitan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A.H. 2010. *Variasi dialek Pahang: Keterpisahan berasaskan jaringan sungai*. *Jurnal Melayu*, (5), 315-332.
- Morris, H. S. 1989. *The Melanau an ethnographic overview*. *Sarawak Muzeum Journal*, 40 (61), 181-187.
- Norfazila KNWT. Ab. Hamid. 2014. *Rekonstruksi dan pengelasan bahasa Melanau Purba*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norfazila Ab Hamid & Rahim Aman. 2015. *Menentukan inventori fonem varian Melanau Oya dengan menggunakan pendekatan struktural*. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Linguistik Kebangsaan 2015 (SliK) (berprosiding). Anjuran Persatuan Linguistik Malaysia (PLM) dengan kerjasama Dewan Bahasa & Pustaka dan Universiti Kebangsaan Malaysia, 20-21 Januari: 63-78.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. 2016. *Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Mukah*. *Jurnal Melayu*, 15 (1), 99-112.
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. 2017. *Varian dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil: analisis linguistik bandingan*. *Gema Online*, 17 (2), 219-244.
- Norfazila Ab. Hamid, Norhasliza Ramli & Rahim Aman. 2017. *Sistem jaringan komunikasi Langkawi varian Kedawang*. *Jurnal Melayu Isu Khas 2017*, 407-418.
- Norfazila Ab. Hamid, Rahim Aman & Shahidi A.H. 2018. *Melanau language ancient consonant phoneme*. *Dilectologia Revista Electronica*, 20, 21-42.
- Norfazila Ab Hamid. 2019. *Inventori fonem dialek Melayu Jugra di Permatang Pasir*. *Jurnal Melayu*, 18 (1), 29-42.
- Norfazila Ab Hamid. 2020. *Komunikasi lisan dialek Melayu Jugra*. *Jurnal Melayu Isu Khas Disember (2020)*, 517-529.
- Norfazila Ab Hamid. 2020. *Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Igan*. *Jurnal Melayu* 19 (2), 321-336.
- Norfazila Ab Hamid & Norhasliza Ramli. 2021. *Inventori fonem dialek Melayu Tioman-Aur- Pemanggil di Salang*. *Jurnal Melayu*, 20 (1) 2021. 109-125
- Norfazila Ab. Hamid, Shahidi A. Hamid & Wan Robiah Meor Osman. 2023. *Variasi vokal dan diftong Bahasa Melanau Sarawak*. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*. 19 (4), 245-262.
- Norfazila Ab. Hamid & Wan Robiah Meor Osman 2023. *Varian Melanau Sarawak: Tinjauan di Melanau Matu*. *Jurnal Melayu Isu Khas Disember (2023)*, 138-151.
- Norfazila Ab. Hamid, Wan Robiah Meor Osman, Norhasliza Ramli & Raj Ali. 2023. *Inventori*

- fonem vokal dan diftong varian Melanau Balingian di Sarawak. *Jurnal Melayu*, 22 (2), 71-83.
- Norfazila Ab. Hamid. 2024. Inventori fonem varian Melanau Bintulu di Sarawak. *Jurnal Melayu*, 23 (2), 1-17.
- Norfazila Ab. Hamid, & Shahidi A.H. 2024. Penyebaran fonem konsonan Melanau Balingian Sarawak. *Jurnal Melayu Isu Khas Disember (2024)*: 25-39.
- Rahim Aman. 1997. *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2010. *Perbandingan dialek Bajau Kota Belud dan Bajau Semporna, Sabah*. *Jurnal Melayu*, (5), 333-374.
- Samarin, William J. 1967. *Field Linguistic: A Guide to Linguistic Field Work*. New York: Ho, Rinehart & Winston.
- Samarin, W. J. 1993. *Linguistik lapangan: Panduan kerja lapangan linguistik*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Terry Eagleton. 1983. *Literary theory: An introduction*. United States: University of Minnesota Press.
- Trudgill, P. & Chambers, J.K. 1990. *Dialektologi*. (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hashim Wan Teh. 1980. *Kaedah penyelidikan sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis:

Norfazila Ab. Hamid (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau ialah dalam bidang Linguistik Bandingan Melayu & Dialektologi Melayu.